

# Tee Keat tetap mahu temui Dr. Mahathir

Oleh TUKIRAN KITAM

**M**UAR 26 Mei — Ketua Pergerakan Pemuda MCA, Datuk Ong Tee Keat hari ini menegaskan bahawa beliau akan tetap meneruskan hasrat menemui Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad bagi mengatasi kemelut politik dalam parti itu.

Beliau berkata, ini kerana kemelut MCA akan berterusan selagi Jawatankuasa Pemuda MCA Kebangsaan terus dipinggirkan dan tidak dimasukkan dalam agenda pelan damai pihak yang bersengketa dalam parti itu.

“Apabila kita cakap sudah selesai, semuanya mesti selesai, bukan selesai sekerat-sekerat,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan kejohanan permainan Petanque di gelanggang Petanque Majlis Perbandaran Muar di sini hari ini.

Kira-kira 300 peserta dari seluruh negara menyertai kejohanan tiga hari itu.

Tee Keat yang juga Timbalan Menteri Belia dan Sukan menegaskan, hasrat beliau menemui

Perdana Menteri bukan semata-mata untuk kepentingan diri atau Pemuda MCA semata-mata tetapi ia adalah untuk kepentingan Barisan Nasional (BN).

## Komponen

Ini kerana MCA, katanya, adalah salah satu daripada parti komponen BN dan beliau berpendapat tiada salahnya perkara itu dibawa kepada Perdana Menteri selaku Pengerusi BN.

“Kemelut politik dalam MCA bukan sahaja akan merugikan MCA tetapi boleh menjejaskan politik negara dan BN serta masyarakat Cina yang diwakili oleh parti itu.

“Sekarang ini kita masuk ke era globalisasi yang memaksa kita bersaing dengan rakyat asing, bukan bersaing atau bertarung sesama sendiri.

“Tidak ada gunanya kita bersaing sesama sendiri bak kata

UM 27 MAY 2002

pepatah Melayu ‘menang sorak kampung tergadai’,” tegasnya.

Menurut Tee Keat lagi, sebelum ini penyebar khabar angin menyifatkan dirinya sebagai ‘budak nakal’ kerana bertindak menemui Perdana Menteri bagi mencari jalan penyelesaian kepada kemelut MCA.

Menjawab soalan pemberita, Tee Keat berkata, beliau juga merasa pelik kerana Jawatankuasa Pemuda MCA tidak dirangkumkan bersama dalam pelan damai.

Sepatutnya, katanya, Pemuda MCA perlu diambil kira dan dimasukkan dalam agenda tersebut jika benar mahu mencari jalan penyelesaian.

Beliau juga kesal kerana masih terdapat anasir yang suka memporak-perandakan atau mengeruhkan keadaan dalam parti dengan menyebarkan khabar-khabar angin yang tidak berasas.